

D351

U B975 AAB
MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 13 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENJELASKAN BAHAWA PUCUK PIMPINAN TIDAK DAPAT TUNDUK KEPADA SYARAT-SYARAT YANG DIBUAT OLEH 11 BEKAS ANGGOTA UMNO UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH ITU DI LUAR MAHKAMAH.

+MEREKA MEMINTA PRESIDEN PARTI MELETAKKAN JAWATAN DAN BERIKANNYA (JAWATAN ITU) KEPADA ORANG TERTENTU.

+KES MEREKA IALAH SAH TIDAK SAH (PERHIMPUNAN AGUNG UMNO PADA 24 APRIL LEPAS), SEBALIKNYA MEMINTA PRESIDEN DIGANTI OLEH ORANG TERTENTU,+ KATANYA PADA PERJUMPAAN DENGAN 40 ORANG WAKIL PEMIMPIN PEKEBUN KECIL DI PEJABATNYA DI SINI.

KATA DATUK SERI DR MAHATHIR: +KITA TANYA, ORANG LAIN TIDAK BOLEHKAH (UNTUK JAWATAN PRESIDEN) DAN KATA MEREKA, ORANG LAIN TAK BOLEH.....ORANG INI SAHAJA+.

BERIKUTAN ITU KATANYA, MEREKA TELAH MEMBAWA PERKARA ITU KE MAHKAMAH YANG KEMUDIAN TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAINYA. -- LAGI
1528MST 13 02 88

D352

U B976 AAB
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

+INILAH YANG KITA SEDIH, KITA SESAMA KITA BERKELAH, JANGANLAH BAWA KE MAHKAMAH,+ KATANYA.

MENURUTNYA, MAHKAMAH TIDAK MEMPUNYAI SENTIMEN KEPADA UMNO ATAU BANGSA MELAYU. IA BERPEGANG KEPADA UNDANG-UNDANG.

+KALAU KES INI TIDAK DIBAWA KE MAHKAMAH, TAKKANLAH MAJLIS TERTINGGI HENDAK MENGHARAMKAN UMNO,+ KATANYA SERTA MENAMBAH,+MAHKAMAH MENGHARAMKAN KITA KERANA ADA ORANG KITA YANG MEMBAWA KEPADANYA+.

BELIAU JUGA BERKATA, PUCUK PIMPINAN PARTI MENJANGKA BAHAWA SEMUA CAWANGAN TELAH MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG YANG SAH SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 24 APRIL LEPAS.

MENURUTNYA, MAJLIS TERTINGGI MEMPUNYAI KUASA UNTUK MENGISYTIHARKAN SESUATU MESYUARAT ITU SEBAGAI SAH BILA TIDAK ADA LAPORAN YANG MEMBANTAHNYA, DALAM MASA 14 HARI SELEPAS MESYUARAT ITU DIADAKAN. -- LAGI

1530MST 13 02 88

D353

U B977 AAB
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

DALAM TEMPOH ITU, MENURUTNYA, TIADA PIHAK YANG MELAPORKAN TENTANG TIDAK SAHNYA SESUATU MESYUARAT ITU, +MAKA KITA ADAKAN MESYUARAT YANG PADA PENDAPAT KITA SAH+.

+TETAPI ORANG INI (KUMPULAN 11), SELEPAS MESYUARAT (PERHIMPUNAN AGUNG UMNO) SAHAJA MELAPORKANNYA (TIDAK SAH),+ KATANYA DAN MEREKA PULA, TAMBAHNYA, TIDAK MEMBAWA PERKARA ITU KEPADA MAJLIS TERTINGGI TETAPI TERUS KE MAHKAMAH.

+INILAH ORANG YANG TIDAK SETIA KEPADA UMNO.

+SAYA DUKACITA SEBAB USAHA INI NAMPAKNYA AKAN DITERUSKAN PADA MASA DEPAN,+ KATANYA SAMBIL MENYEBUT UNGKAPAN PERIBAHASA +TAK DAPAT TANDUK, TELINGA DIPULAS+.

+MEREKA BERSUMPAH BAHAWA USAHA YANG MEREKA AMBIL IALAH UNTUK KEPENTINGAN UMNO TETAPI SEBENARNYA IALAH UNTUK KEPENTINGAN DIRI.

+KALAU HENDAK KUASA MELAYU BERKEKALAN MAKA JANGANLAH TERPENGARUH DENGAN DAKYAH YANG AKAN DATANG, YANG ASASNYA TELAH ADA MASA INI,+ KATANYA. -- LAGI
1532MST 13 02 88

D354

U B978 AAB
MAHATHIR - UMNO 4 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA, SELAMA INIPUN BANGSA MELAYU TELAH BERPECAH KERANA ADANYA DUA PARTI, INIKAN PULA MEWUJUDKAN SATU LAGI PARTI.

SEBELUM ITU, KESEMUA 40 WAKIL PEMIMPIN PEKEBUN KECIL DIKETUAI OLEH PENERUSI KOPERASI PEKEBUN KECIL LARUT MATANG, HAJI AHMAD MANSOR, TELAH MELAFAZKAN IKRAR TAAT SETIA TERHADAP KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ENCIK GHAFAR BABA.

YANG TURUT HADIR IALAH TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, DATUK KHALID YUNUS.

PADA ACARA YANG BERASINGAN DI JABATAN PERDANA MENTERI, SERAMAI 22 ORANG ANGGOTA JAWATANKUASA PERSATUAN PENGHULU PENGGAWA SEMENANJUNG MALAYSIA, YANG DIKETUAI OLEH YANG DIPERTUANYA, HAJI MAJID BABA, BERIKRAR TAAT SETIA DI HADAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR, TERHADAP KEPIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ENCIK GHAFAR. -- BERNAMA
1534MST 13 02 88